

Usaha tingkat kesedaran penting khidmat digital, seiring capai status transformasi

Oleh NOOR ZAFIRA SHAFIE NST 6-12-2018 4

TUARAN: Usaha meningkatkan kesedaran khasnya di kalangan kakitangan perkhidmatan awam tentang kepentingan perkhidmatan secara digital dalam memacu keberkesanan sistem penyampaian maklumat kerajaan kepada rakyat, adalah dilaksanakan seiring dengan fokus kerajaan untuk mencapai status transformasi digital atau e-government.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah, Datuk Dr. Minggu Jumaan berkata jabatan dan agensi kerajaan perlu terus mencari peluang dan kaedah baru bagi memberi nilai tambah kepada perkhidmatan di dalam talian dan laman sesawang.

Katanya, perkhidmatan itu wajar menjadi satu asas bagi menambah penerimaan pelanggan kepada perkhidmatan yang disediakan.

“Perkhidmatan dalam talian yang disediakan adalah kandungan perkhidmatan atau produk yang bukan sahaja perlu mempunyai nilai yang tinggi kepada pelanggan dan pengguna, malah perlu disampaikan secara berkesan untuk lebih difahami secara rasional.

“Pastinya ia perlu mempunyai nilai, bermanfaat dan berfungsi seperti yang dijanjikan dan diterima secara emosional iaitu mesra pelanggan dan memuaskan hati,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika hadir merasmikan Seminar ICT Negeri Sabah (SEMITS) kali ke-11 di INTAN Kampus, disini kelmarin.

Menurut Minggu, proses teknologi digital nyata telah merubah landskap kehidupan tanpa sempadan dalam pelbagai bidang meliputi komunikasi, perniagaan, kerajaan, pendidikan, politik, sosial dan gaya hidup.

Katanya, perubahan tersebut turut memberi kesan dan perlu berkembang seiring dengan kemajuan dan perubahan politik dan sosial.



KENANGAN Minggu (Tujuh dari kanan) bergambar bersama para peserta seminar.

“Perkembangan ini telah membuka banyak peluang dan juga cabaran kepada pelbagai pihak, dalam masa yang sama ia juga memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi serta kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti kerajaan,” jelasnya.

Seminar tersebut berlangsung selama sehari dan dianjurkan secara kolaborasi diantara Lembaga Koko Malaysia (LKM), Universiti Malaysia Sabah (UMS) Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah (JPKN), INTAN Sabah dan MAMPU

Cawangan Sabah.

Sebanyak tiga buah kertas kerja dibentangkan semasa seminar dan turut berlangsung pameran.

SEMITS mula dilaksanakan pada tahun 2005 dan mempunyai matlamat untuk menggalakkan anjakan tentang kesedaran kepada sektor awam tentang kepentingan perkhidmatan secara digital dalam memacu sistem penyampaian maklumat kerajaan kepada rakyat.